

## FAKTOR POLIGAMI TANPA KEBENARAN: ANALISIS KES DI MAHKAMAH SYARIAH MUAR, JOHOR

Norain Mohd Shah<sup>1</sup> dan Khairul Azhar Meerangani<sup>2</sup>

### E-JITU

Acceptance date:  
15 January 2021

Valuation date:  
15 February 2021

Publication date:  
30 April 2021

### ABSTRAK

*Kes poligami tanpa kebenaran merupakan antara kes yang sering dilaporkan di mahkamah syariah. Prosedur yang diperkenalkan pihak mahkamah, secara asasnya berperan dalam memelihara hak dan tanggungjawab setiap pasangan yang berpoligami selaras dengan matlamat syarak. Namun begitu, masih wujud segelintir pihak yang mengambil jalan pintas untuk berpoligami dengan membelakangkan peruntukan undang-undang sedia ada, sebagaimana yang termaktub dalam Undang-Undang Keluarga Islam setiap negeri. Kajian bertujuan mengenalpasti faktor kes poligami tanpa kebenaran yang dilaporkan di Mahkamah Tinggi Syariah Muar, Johor serta implikasi pelanggaran peruntukan tersebut. Kajian dijalankan secara kualitatif menerusi analisis terhadap dokumen penghakiman serta temubual yang dijalankan dengan pihak-pihak yang terlibat dengan prosedur poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Muar, Johor. Prosedur poligami meskipun tidak menjadi salah satu rukun sah perkahwinan menurut Islam, namun ia merupakan asas penting dalam memastikan matlamat perkahwinan tercapai dan terpelihara. Prosedur permohonan dan kelulusan poligami yang ketat dilihat menjadi punca segelintir pihak sengaja mencari jalan mudah untuk berpoligami meskipun tanpa kebenaran daripada pihak mahkamah. Penguatkuasaan yang tegas dan hukuman yang sewajarnya perlu diterapkan bagi mendidik setiap pasangan kepada mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan, sekaligus memelihara hak dan tanggungjawab setiap pasangan selepas perkahwinan tersebut.*

**Kata kunci:** Faktor, Poligami Tanpa Kebenaran, Prosedur, Pentadbiran, Undang-Undang Keluarga Islam

<sup>1</sup> Calon Pascasiswazah, Institut Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Melaka, Malaysia.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, 78000 Melaka, Malaysia.

## PENGENALAN

Poligami bererti menghimpunkan lebih dari satu orang, sama ada dua, tiga atau had maksimumnya empat orang isteri dalam satu masa. Meskipun Islam secara asasnya mengharuskan poligami, namun setiap pemohon perlu mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan, terutamanya keperluan untuk berlaku adil serta tidak menzalimi hak dan kewajipan yang ditetapkan buat setiap isteri dan anak-anaknya. Elemen keadilan ini pula dinilai menerusi peruntukan nafkah, giliran bermalam dan kasih sayang yang diberikan secara saksama terhadap semua tanggungannya (Zulkifli, 2013). Walaupun sebahagian pihak melihat poligami sebagai suatu liabiliti, Islam terlebih dahulu menyusunnya sebagai suatu tanggungjawab dan komitmen yang perlu dilaksanakan bertujuan memelihara hak dan nasib wanita yang dikahwini. Sebarang kecuaian dalam pelaksanaan hak ini hanya mengundang dosa dan menyebabkan pelakunya berhadapan dengan ancaman berat di akhirat (Hanif Yusoh, 2015). Atas dasar itulah, Islam telah menetapkan beberapa panduan dan syarat yang perlu diberi perhatian penting, khususnya buat pengamal poligami bagi memastikan manifestasi sebenar poligami dapat diimplementasikan dengan sebenarnya (Farrah Wahida, 2018).

Urusan perkahwinan membabitkan umat Islam terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Setiap negeri diberikan peruntukan kuasa untuk menggubal dan menetapkan enakmen undang-undang keluarga masing-masing. Berdasarkan peruntukan tersebut, semua bentuk perkahwinan membabitkan umat Islam perlulah mendapat kebenaran daripada pihak mahkamah terlebih dahulu. Setelah pihak mahkamah berpuas hati dengan segala dokumen dan prosedur yang dipenuhi, barulah sesbuah perkahwinan itu dianggap sah dan direkodkan (Khairul Azhar, 2018). Perkahwinan secara poligami tidak terkecuali daripada syarat ini, bahkan prosedur yang ditetapkan juga dilihat lebih ketat berbanding perkahwinan biasa. Dalam konteks Malaysia, selain mematuhi peraturan syarak dalam melaksanakan perkahwinan yang sah, seseorang individu yang ingin berpoligami juga terikat dengan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak mahkamah. Pemohon perlu mengajukan afidavit sokongan beserta dengan alasan permohonan kepada pihak Mahkamah Tinggi Syariah bagi mendapatkan perintah kebenaran berpoligami. Pihak mahkamah seterusnya akan menilai alasan permohonan poligami, status pendapatan pemohon dan butir-butir komitmen yang ditanggung seperti bayaran nafkah, hutang dan sebagainya (Jabatan Bantuan Guaman, 2018).

Dengan prosedur yang ketat sebegini, maka tidak hairanlah sebahagian pasangan lebih sanggup mengambil jalan mudah dengan berkahwin tanpa melalui kebenaran mahkamah. Perkahwinan seperti ini pada lazimnya dijalankan menerusi bantuan sindiket di Selatan Thailand, terutamanya di wilayah Songkhla, Thailand. Berdasarkan laporan, hampir 1000 acara pernikahan dilakukan di Selatan Thailand setiap bulan kerana keterbukaan negara itu dalam hal perkahwinan (Berita Harian, 2019). Penilaian akan dijalankan bagi memastikan pemohon mampu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, sebelum kebenaran

dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Penetapan prosedur ini penting agar urusan perkahwinan tersebut direkodkan dalam bentuk dokumen, supaya urusan pentadbiran lebih sistematik dan teratur. Dengan adanya prosedur poligami ini, segala kelemahan dan penyelewengan yang berlaku sama ada sebelum atau selepas berkahwin dapat diatasi khususnya apabila pihak isteri dan anak-anak membuat sebarang tuntutan di mahkamah. Prosedur poligami ini amat penting untuk menjamin hak isteri yang dipoligamikan, yang mana kebanyakan mereka sendiri tidak mengetahui hak dan tanggungjawab yang berhak diterima.

### PROSEDUR POLIGAMI DI MALAYSIA

Perkahwinan di luar negara meskipun dibenarkan namun tetap perlu mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau Hakim Syariah terlebih dahulu. Seksyen 23(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 jelas menyatakan:

*"Tiada seorang pun lelaki, semasa wujudnya sesuatu perkahwinan, boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Mahkamah, membuat kontrak perkahwinan yang lain dengan perempuan lain..."*

Meskipun begitu, perincian berkaitan syarat-syarat kelulusan poligami secara dasarnya adalah tidak seragam antara negeri-negeri. Negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak telah memperuntukkan beberapa syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Mahkamah Syariah sebelum sesuatu permohonan poligami diluluskan (Raihanah, 2014). Seksyen 23(3) Akta 1984, umpamanya telah memperuntukan bahawa:

*"Permohonan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut dan perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutnya dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan samada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu".*

Subseksyen 3 ini merupakan rangkuman kepada syarat-syarat yang diperuntukan dalam borang permohonan poligami, yang perlu dipenuhi beserta lampiran dokumen yang diperlukan. Setelah pihak mahkamah menerima permohonan tersebut, satu prosiding akan dijalankan dengan kehadiran isteri atau isteri-isteri (jika telah berpoligami) pemohon sebagaimana yang untuk diperuntukan dalam Seksyen 23(4) Akta 1984:

*“Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah, memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup”*

Tujuan kehadiran para isteri dalam prosiding tersebut bagi membolehkan mereka mengemukakan hak-hak yang layak diterima sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang seperti nafkah diri isteri, nafkah anak, hak bermalam, penginapan yang berasingan dan juga hak untuk mendapatkan harta sepencarian (jika ada) (Raihanah, 2014).

Setelah pihak mahkamah berpuas hati dengan segala keterangan yang diberikan oleh pemohon dan memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan, kelulusan permohonan akan diberikan. Kelulusan ini bersandarkan kepada pematuhan terhadap syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Seksyen 23(4), sekalipun pihak isteri tidak bersetuju dengan permohonan poligami suaminya itu. Dalam masa yang sama, permohonan pihak suami juga boleh ditolak sekiranya mahkamah merasakan ada syarat-syarat yang tidak dapat dipenuhi, sekalipun pihak isteri sendiri bersetuju dan rela hati dengan permohonan poligami tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa kebenaran dan keengganan pihak isteri sebenarnya tidak mengikat mahkamah, sebaliknya keterangan daripada pihak isteri berperanan penting membantu mahkamah membuat keputusan meluluskan atau menolak sesuatu permohonan poligami.

Menurut Raihanah (2014), pada peringkat awalnya, perkahwinan poligami yang tidak mengikut prosedur undang-undang tidak boleh didaftarkan. Memandangkan poligami tanpa kebenaran mahkamah merupakan suatu kesalahan matrimonial yang melanggar Seksyen 123 Akta 1984, maka perkahwinan tersebut tidak akan didaftarkan sekalipun ia sah di sisi syarak. Peraturan ini sudah pastinya mendatangkan implikasi besar bukan sahaja terhadap status perkahwinan tersebut, malah hak dan tanggungjawab yang terhasil daripanya, seperti tuntutan nafkah, hak perceraian dan pusaka. Oleh itu, beberapa negeri telah melakukan pindaan terhadap peruntukan sedia ada dengan memasukkan kebenaran pendaftaran perkahwinan seperti ini namun perlu berhadapan dengan hukuman dan denda yang akan ditentukan oleh pihak mahkamah. Pindaan ini secara tidak langsung memberikan jalan keluar daripada kemelut yang dilalui oleh pasangan tersebut sebelum ini, apabila kini perkahwinan mereka boleh didaftarkan secara sah di Malaysia. Meskipun begitu, setiap pasangan sewajarnya tidak mengambil ringan terhadap perkara ini, sebaliknya berusaha mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan di kemudian hari.

## **POLIGAMI TANPA KEBENARAN MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI JOHOR 2003**

Secara asasnya, setiap orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang jenayah syariah negeri. Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri

Johor) 2003, orang Islam ditakrifkan sebagai seseorang yang menganut agama Islam, seseorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya pada masa kelahiran itu ialah orang Islam, seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam, seseorang yang telah memeluk agama Islam mengikut seksyen 108 atau seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar bahawa dia ialah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis. Selain itu, terdapat juga undang-undang jenayah yang digubal oleh Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh semua warganegara tanpa mengira agama. Sebagai contoh, kesalahan berkaitan harta seperti mencuri dan merompak, kesalahan berkaitan negara seperti penderhakaan dan lain-lain kesalahan, sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 secara umumnya mengandungi enam bahagian, iaitu kesalahan matrimoni, kesalahan seks, kesalahan dari aspek keimanan, kesalahan minuman keras, kesalahan menukar agama dan pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas (Fazrin Hamdan, 2015).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 pula memperuntukkan peraturan, prosedur dan hukuman pelanggaran prosedur berkaitan hal ehwal kekeluargaan (*ahwal al-syakhsiyah*) seperti poligami, pertunangan, mas kahwin kanak-kanak, akad nikah, pembubaran perkahwinan, nafkah isteri dan anak-anak, penjagaan anak (*hadanah*) dan penceraian perkahwinan. Prosedur berkaitan poligami diperuntukkan secara jelas dalam Bahagian 2 (Perkahwinan) Fasal 23 enakmen ini yang mengandungi 10 subseksyen, memperincikan syarat dan prosedur permohonan poligami yang perlu dipenuhi oleh setiap pemohon yang ingin berpoligami. Kesalahan poligami tanpa kebenaran pula dinyatakan dalam Bahagian 9 (Penalti) Fasal 124 yang memperuntukkan hukuman dan denda kepada pihak yang melakukan kesalahan tersebut.

### a) Prosedur Poligami

Prosedur yang dinyatakan dalam subseksyen 1 Fasal 23 terpakai bagi perkahwinan dalam negeri Johor, merangkumi seseorang lelaki yang bermastautin dalam atau di luar negeri Johor, serta perkahwinan di luar negeri Johor melibatkan seseorang lelaki yang bermastautin dalam negeri Johor. Permohonan kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan disertai dengan suatu afidavit menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut atau perlu, pendapat pemohonan masa itu, butir-butir komitmenya dan kewajipan tanggungan kewangan yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungan berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinannya yang dicadangkan itu.

Setelah permohonan itu diterima, mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, dan mana-mana orang lain yang difikirkan oleh mahkamah bagi memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu, supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam mahkamah tertutup, dan mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati. Penilaian akan dilakukan oleh pihak mahkamah terhadap kriteria-kriteria tersebut:

- a) Bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandangkan kepada antara lain, hal-hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada.
- b) Bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syarak, semua isteri dan orang tangungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang-orang tangungannya berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu ;
- c) Bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan adil kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syarak ; dan
- d) Bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan darar syarie kepada isteri-atau isteri-isteri yang sedia ada.

Satu salinan permohonan di bawah subseksyen (4) dan iqrar yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah disampaikan dengan surat panggilan ke atas tiap-tiap isteri yang ada.

Mana-mana pihak yang terkilan atau tidak puas hati dengan apa-apa keputusan mahkamah boleh merayu terhadap keputusan itu mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003. Mana-mana orang yang membuat akad nikah bersalah dengan subsekyen (1) hendaklah membayar dengan serta-merta semua jumlah mas kahwin dan pemberian yang kena dibayar kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada, dan jika jumlah itu tidak dibayar sedemikian, boleh dituntut sebagai hutang. Acara bagi akad nikah dan pendaftaran sesuatu perkahwinan di bawah seksyen ini adalah serupa dengan yang dipakai bagi perkahwinan-perkahwinan lain yang diakadnikahkan dan didaftarkan dalam negeri Johor di bawah enakmen ini. Tiap-tiap Mahkamah yang memberi kebenaran atau memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan di bawah seksyen ini, hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan:

- a) Untuk menghendaki seseorang untuk membuat pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada; atau
- b) Untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagikan antara mereka; atau
- c) supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.  
(Enakmen Undang-Undang keluarga Islam, 2003)

Mahkamah termasuk di dalam Undang-undang keluarga Islam kerana perkara tersebut disebut sebagai kesalahan di dalam perkahwinan kerana berkahwin atau berpoligami tanpa kebenaran dari pihak mahkamah. Poligami tanpa kebenaran mahkamah merupakan suatu kesalahan matrimoni dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003. Fasal 124 enakmen ini menyatakan bahawa jika seseorang lelaki berkahwin lagi dimana-mana jua tempat dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada mahkamah maka dia adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### b) Implikasi Poligami Tanpa Kebenaran

Poligami tanpa kebenaran mendorong implikasi yang besar sekiranya dilihat dari perspektif undang-undang. Selain penalti yang memperuntukkan hukuman dan denda, perkahwinan tersebut juga tidak boleh didaftarkan tanpa melalui prosiding yang ditetapkan oleh pihak mahkamah terlebih dahulu. Dalam masa yang sama, perkahwinan tersebut juga dianggap masih belum sah, meskipun telah memenuhi peraturan syarak. Pasangan yang terlibat boleh didakwa dengan kesalahan khalwat (bersekedudukan dengan pasangan bukan mahram) atau zina (melakukan persetubuhan tanpa perkahwinan yang sah). Hal ini kerana pasangan tersebut tidak dapat mengemukakan dokumen pengesahan perkahwinan dari pihak Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk sewaktu penguatkuasaan dijalankan (Noor Aziah, 2008).


Terdapat juga kes pasangan yang terpaksa dipisahkan (*mufaraqah*) antara akibat perkahwinan tidak sah mengikut syarak, yang mana pasangan telah dinikahkan semula oleh Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk yang bersetuju menjadi wali hakim setelah berpuas hati bahawa syarat-syarat yang ditetapkan telah dipenuhi. Sebagai contoh, dalam kes *Khairul Azhar Bin Kassim* dan *Fathillah Binti Abdul Mutalib* berkaitan permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Tinggi Syariah Muar Johor. Mahkamah memutuskan bahawa akad nikah yang dilangsungkan dalam daerah Tangkak, Johor dan sijil nikah yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat, Selangor dengan menggunakan wali hakim yang tidak mendapat tauliah adalah tidak sah. Oleh itu, mahkamah memutuskan pasangan diarahkan difarakkan seta merta dan perlu menjalankan edaa tiga kali suci (Azmi Mahmood, 2019).

Perkahwinan seperti inilah yang sentiasa menjadi risiko terutamanya kepada pihak perempuan. Apabila berlakunya perpisahan atau kematian di antara pasangan, dia tidak mempunyai asas dalam membuat sebarang tuntutan seperti mutaah, nafkah, hadanah (sekiranya mempunyai anak), harta sepencarian dan tuntutan harta pusaka yang pada kebiasaannya memang menjadi hak perempuan atau bekas isteri (Noor Aziah, 2008). Tanpa pendaftaran perkahwinan yang sah juga, adalah sukar bagi pihak perempuan membuat tuntutan untuk membatalkan perkahwinan sedia ada sekiranya berlaku ketidakadilan atau layanan buruk dari

pihak suami mahupun keganasan dalam rumah tangga. Semua tindakan yang hendak diambil terhadap suami akan bergantung dan tertangguh sehingga status perkahwinan dapat diselesaikan (Noor Aziah, 2008). Kewujudan undang-undang keluarga Islam di setiap negeri, meskipun dilihat sebagai melecehkan bagi sesetengah pihak, namun tetap berperanan penting dalam memberi hak kepada yang berhak, terutamanya dalam kalangan pihak perempuan.

### **FAKTOR KES POLIGAMI TANPA KEBENARAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH MUAR, JOHOR**

Poligami tanpa kebenaran boleh menyebabkan matlamat sesebuah perkahwinan itu sukar dicapai, seperti nikmat kehidupan berumahtangga serta tuntutan hak yang berkaitan. Kebanyakan mereka terpaksa menyembunyikan status perkahwinan daripada pengetahuan umum, terutamanya isteri pertama. Selain itu, perkahwinan ini juga berisiko kerana suami tidak terikat dengan sebarang komitmen dan tanggungjawab terhadap isteri barunya. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Tinggi Syariah Muar, terdapat peningkatan kes yang dicatatkan bagi kesalahan poligami tanpa kebenaran dari tahun 2016 hingga 2019, iaitu sebanyak 57 kes pada tahun 2016, 60 kes pada tahun 2017, 63 kes pada tahun 2018 dan seterusnya mendadak kepada 104 kes pada tahun 2019, sebagaimana yang dapat dilihat dalam carta berikut:



Carta 1: Statistik Kes Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah Di Mahkamah Tinggi Syariah Muar, Johor, 2016-2019. (Sumber : Mahkamah Tinggi Syariah Muar, Johor)

Berdasarkan rekod, perkahwinan secara poligami tanpa kebenaran mahkamah boleh berlaku sama ada di dalam Malaysia mahupun di luar negara.

Poligami merupakan kelonggaran perkahwinan yang bersifat terhad dan bersyarat (Ahmad Jalil, 2012). Poligami tanpa kebenaran mahkamah, sama ada yang dilangsungkan di dalam atau di luar Malaysia, tetap mempunyai impak yang besar terutamanya dalam aspek perundangan. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada berlakunya kesalahan poligami tanpa kebenaran ini, antaranya:

### a) Prosedur Permohonan Poligami Yang Ketat

Peraturan yang terdapat dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri sering kali dilihat sebagai sesuatu yang rumit dan membebankan oleh sesetengah pihak, serta memakan masa yang lama. Peraturan pernikahan di negeri Johor melalui Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2003 antara lain bertujuan menyusun atur dan mengawal isu-isu yang berkaitan dengan perkahwinan, penceraian dan hal-hal yang bersangkutan dengannya. Bagaimanapun, terdapat segelintir rakyat negeri Johor yang beranggapan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan adalah sangat menyusahkan dan membebankan. Umpamanya, peraturan yang mensyaratkan setiap pasangan yang hendak bernikah membeli borang, mengisi dan melengkapannya, menghadiri kursus pra perkahwinan, mendapatkan surat akuan bujang, surat akuan mastautin, surat pengesahan Jabatan Pendaftaran Negara bagi pemegang Penduduk Tetap, menghadiri temu bual dan sebagainya yang memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan wang.

Malah bagi kes-kes tertentu, ia akan dirujuk ke mahkamah Syariah terlebih dahulu sebelum diluluskan, seperti kes wali enggan, permohonan poligami dan kes yang bersangkutan dengan penceraian. Bagi sesetengah pasangan, peraturan-peraturan ini sangat membebankan dan menjadi penghalang utama hasrat mereka untuk menjadi pasangan suami isteri. Sebagai alternatif, mereka lebih cenderung untuk membelakangi peraturan tersebut dengan menjalankan perkahwinan di luar Malaysia kerana beranggapan proses pernikahan di sesetengah negara luar itu lebih mudah untuk dilakukan berbanding di dalam negara sendiri. Perlu difahami, undang-undang yang ada ini bukanlah untuk menyusahkan mana-mana pihak, tetapi bertujuan mentadbir proses poligami agar teratur, licin dan menepati tujuan dan syarat berpoligami. Orang yang diberikan amanah untuk memberi kata putus di dalam perkara ini adalah hakim yang memang merupakan orang yang berwibawa di dalam perkara ini. Bagi pihak yang tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim masih berpeluang membuat rayuan ke mahkamah (Siti Fadhilah, 2018).

Sebagai contoh dalam kes membabitkan pemohon pertama *Musannif bin Abdullah* dengan pasangannya selaku permohonan kedua *Nor Hayati binti Othman*. Pasangan warganegara Malaysia ini telah bernikah di Pattani, Thailand dengan menggunakan wali hakim. Alasan yang diberikan oleh pasangan ini ialah prosedur permohonan poligami di negeri Johor adalah sukar. Beliau juga menyatakan bahawa hubungan isteri pertama dengan isteri kedua juga adalah baik

(Amir Husin, 2016). Selain itu, terdapat juga suami yang ditolak permohonan poligami mereka, kerana permohonan tersebut tidak menepati kehendak pihak mahkamah. Sebagai contoh dalam *kes Hashim Bin Hassan dan Nurhayati Binti Talib Sukardi* yang memohon pengesahan perkahwinan mereka di mahkamah. Pasangan ini telah melangsungkan perkahwinan mereka di Indonesia dengan berwalikan abang kepada pihak perempuan, setelah permohonan awal pihak lelaki ditolak oleh mahkamah. Pasangan ini menyatakan bahawa perkahwinan mereka telah mendapat kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di negeri Johor, dan hakim seterusnya telah memutuskan perkahwinan mereka kes sebagai sah pada hukum syarak, dan didaftarkan sebagai satu perkahwinan yang sah di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2003. Dalam kes ini, faktor yang mendorong pasangan ini bernikah di luar negara adalah disebabkan kesukaran menjalankan perkahwinan di Johor, dengan pelbagai prosedur rumit yang perlu dipenuhi.

### b) Tidak Mendapat Kebenaran Isteri

Faktor lain yang menyebabkan pihak suami berpoligami tanpa kebenaran mahkamah adalah kerana tidak mendapat keizinan isteri atau isteri-isteri sedia ada. Penetapan syarat keizinan pihak isteri sebelum berpoligami sebenarnya tidak bersifat mutlak. Peruntukan lain dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri menghendaki mahkamah memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isteri sedia ada hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan secara tertutup tentang perkahwinan yang dicadangkan, setelah permohonan berpoligami diterima oleh mahkamah bagi menentukan kelayakan pemohon untuk berpoligami. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan izin dan keterangan pihak isteri sebelum mahkamah memutuskan status permohonan pihak suami. Walaubagaimanapun, keizinan pihak isteri bukanlah satu-satunya penentu keputusan mahkamah, sebaliknya hakim turut mengambilkira faktor-faktor lain dalam menentukan kelayakan pihak suami untuk berpoligami. Terdapat kes yang mana mahkamah menolak permohonan poligami walaupun telah mendapat keizinan isteri pertama, kerana suami gagal membuktikan kemampuan untuk beristeri lebih dari seorang.

Sebagai contoh, kes membabitkan pemohon *Syed Othman bin Syed Abdullah* dengan pasangannya *Ema Malisa binti Bogi*. Pasangan ini telah melangsungkan perkahwinan di Wilayah Songkhla, Thailand dengan menggunakan wali hakim. Alasan yang diberikan oleh pihak lelaki ialah kerana isteri pertamanya tidak setuju dan prosedur permohonan poligami adalah sukar sedangkan beliau amat memerlukan zuriat, memandangkan sehingga kini beliau masih belum dikurniakan zuriat bersama isteri terdahulu. Begitu juga kes membabitkan pemohon *Samsuri Bin Saar* dan pasangannya *Nor Rahsidah Binti Abdullah*. Samsuri yang merupakan warganegara Malaysia dan Rahsidah, warganegara Indonesia telah melangsungkan perkahwinan mereka di Thailand, setelah hasrat mereka ditentang oleh isteri pertama Samsuri. Hubungan rapat

antara kedua-dua pemohon mendorong mereka untuk berkahwin bagi mengelakkan sebarang perlakuan yang menyalahi syarak tanpa sebarang ikatan yang sah (Amir Husin, 2016).

### c) Permohonan Poligami Ditolak

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran bertulis dari mahkamah untuk berpoligami yang ditolak juga merupakan salah satu faktor mendorong poligami tanpa kebenaran. Hal ini menyebabkan mereka mengambil jalan mudah dengan berkahwin di negara lain tanpa kebenaran mahkamah, setelah mahkamah sendiri memutuskan bahawa pemohon kurang berkelayakan untuk berpoligami (Azmi Mahmood, 2019). Salah satu sebab kelayakan yang menjadi penilaian utama hakim adalah pendapatan suami yang mencukupi untuk berpoligami, kerana perkara ini sangat berkait rapat dengan kemampuan untuk mengagihkan nafkah yang selayaknya kepada tanggungan. Tiada penetapan khusus berkaitan had pendapatan yang diterima oleh pihak mahkamah untuk membolehkan pasangan berpoligami. Mahkamah akan meneliti sumber kewangan yang diperoleh oleh suami serta mengambil kira faktor kemampuan khususnya dari segi komitmen suami terhadap tanggungan yang dibawahnya, seperti orang-orang yang ada di bawah tangungannya dan hutang-hutang yang ada (Siti Fadhilah, 2019).

Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, kelulusan permohonan akan diberikan sekalipun pihak isteri tidak bersetuju. Kebenaran dan keengganinan isteri terhadap hasrat suami untuk berpoligami tidak mengikat mahkamah, sebaliknya maklumat yang diberi adalah keterangan yang digunakan sebagai membantu mahkamah membuat keputusan meluluskan atau menolak satu-satu permohonan poligami. (Raihanan Abdullah, 2014). Penilaian kelayakan ini merupakan antara sebab utama penerimaan dan penolakan sesuatu permohonan poligami oleh pihak mahkamah. Tindakan ini sangat penting meskipun dilihat remeh oleh sesetengah pihak, memandangkan ia sangat berkait rapat dengan kelangsungan hidup setiap pihak selepas perkahwinan dijalankan. Oleh itu, tidak hairanlah apabila terdapat pasangan yang ditolak permohonannya, akan mengambil jalan pintas dan mudah untuk berkahwin di tempat yang dirasakan lebih longgar prosedur dan mudah prosesnya, iaitu di luar negara.

### d) Dakwaan Prosedur Mahkamah Menyalahi Syarak

Terdapat juga sesetengah pihak berpandangan bahawa prosedur yang ditetapkan dalam undang-undang keluarga Islam negeri-negeri ini bertentangan dengan hukum syarak, yang secara jelas telah mengharuskan poligami. Undang-undang yang menyekat dan menyukarkan suami dari berkahwin lebih dari satu, hanya bersifat teknikal dan formaliti semata-mata, tanpa sebarang implikasi dari sudut hukum. Hal ini telah mendorong setiap pasangan untuk melangsungkan perkahwinan meskipun tanpa kebenaran pihak mahkamah, dengan andaian

perkahwinan tersebut pasti boleh didaftarkan di kemudian hari. Pandangan ini sebenarnya kurang tepat, kerana tujuan undang-undang tadi diwujudkan bukan untuk menyekat dan mengharamkan poligami, sebaliknya bagi memastikan ia tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak, sehingga mengundang kezaliman kepada pihak isteri, memudaratkan kehidupan keluarga serta merosakkan psikologi dan emosi mereka. Maka, campur tangan pihak mahkamah dilihat mempunyai asas penting dalam menjamin keharmonian dan kesejahteraan setiap ahli keluarga serta mengelakkan sebarang penganiayaan terhadap pihak isteri hasil tindakan suaminya yang kurang bertanggungjawab (Nur Hafiz, 2019).

## KESIMPULAN

Amalan poligami meskipun diharuskan menurut syarak, namun perlu memenuhi syarat dan prosedur yang ditetapkan bagi mengelakkan timbulnya persepsi buruk terhadap amalan ini. Namun begitu, prosedur yang ditetapkan dalam setiap undang-undang keluarga Islam negeri-negeri telah disalahanggap sebagai membebankan pihak yang ingin berpoligami, sehingga mendorong mereka mengambil jalan pintas dengan membelakangkan peraturan sedia ada dengan menjalankan perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah. Meskipun perkahwinan ini akhirnya boleh didaftarkan di Malaysia setelah melalui prosedur dan penalti yang ditetapkan, namun tindakan tidak bertanggungjawab ini tetap mempunyai implikasi yang buruk, bukan sahaja dalam aspek perundangan, bahkan aspek kekeluargaan. Peraturan yang ditetapkan ini sebenarnya bertujuan mengatur dan memastikan keadilan yang sewajarnya diberikan kepada pihak-pihak berkaitan, terutamanya isteri dan anak-anak. Syarat dan prosedur yang ditetapkan ini berperanan penting dalam menjamin hak bukan sahaja isteri pertama, bahkan isteri-isteri lain daripada dianiyai, disebabkan kekurangan kefahaman dan pengetahuan yang jelas terhadap kesan yang terhasil daripada kesalahan ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Hakim Baharuddin. (2017). "Status Hubungan Antara Isteri-Isteri Dalam Poligami: Analisis Terhadap Perbincangan Hukum-Hukum Fekah". Bangi: Penerbit KUIS.
- Amir Husin Md Nor. (2016). "Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar". *Jurnal Syariah*, Vol. 14 No. 2: 23-39.
- Berita Harian. (2019). Dihalang Keluarga, Isteri Pertama Alasan Nikah di Thailand,<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/537020/dihalang-keluarga-isteri-pertama-alasan-utama-nikah-di-thailand>, dicapai pada 12 April 2020.

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.
- Farrah Wahida Mustafar. (2018). "Konsep Poligami Mengikut Perspektif Para Isteri Dalam Jemaah Global Ikhwan Sdn.Bhd". *Jurnal Mawizah*, Vol. 1: 65-88.
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). "Isu Penerapan Nilai Islam Dalam Pengaruhkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia." *Journal of Contemporary Islamic Studies* Vol. 4 No. 2: 80-98.
- Mohd Fazrin Hamdan. (2015). "Pelaksanaan Undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor". *Journal of Human Development and Communication*, Vol. 4: 111–124.
- Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi. (2015). "Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur: Kajian Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur". Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nabila Yusof. (2013). "Status Anak Dalam Perkahwinan Sindiket Menurut Perspektif Syarak & Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984)". Prosiding, The International Conference of Social Research, (ICSSR 2013), Penang, Malaysia, 4-5 June 2013.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2008). *Kawin Lari Dan Poligami: Respon Wanita Dan Implikasi Undang-Undang*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Noor Salwani Hussin. (2015). "Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010". Disertasi, Universiti Utara Malaysia.
- Noraini Mohd Hashim. (2007). *Prosedur Dan Pendaftaran Dalam Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hafiz. (2019). *Risalah Poligami 2017* Jabatan Bantuan Guaman Malaysia.
- Raihanah Abdullah. (2014). *Poligami: Penjelasan Berdasarkan Perspektif Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**Temu Bual**

- Tuan Azmi Bin Mahmood. (2019). Peguam Syarie Negeri Selangor. Temu Bual 16 September 2019.
- Siti Fadhilah Binti Ahmad. (2019). Pegawai Sulh, Mahkamah Tinggi Syariah Muar Johor. Temu Bual 17 Februari 2019.